



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Sutera Dalam Lukisan (Abd. Talib Hassan)

Sinopsis

Novel ini memaparkan kisah seorang pemuda yang mengalami konflik jiwa akibat kematian ibunya yang telah dibunuh oleh bapa tirinya. Kenangan pahit itu telah menjadikan Bujei atau nama sebenarnya Mohamad Hafiz, akhirnya telah menjadi sasau akibat sering menjadi cemuhan, dipandang hina, dipermainkan dan diperbudakkan oleh masyarakat kampung malah bapa tirinya, Harun juga sering menyeksanya malah telah cuba mengambil peluang untuk merampas hak milik Bujei yang ditinggalkan oleh arwah ibunya. Hidupnya keseorangan dan menanti permata hati untuk menerangi semula sinar hidupnya. Kehadiran Adila telah mengubah segala-galanya dan Bujei mulai merasai erti sebuah kehidupan. Namun banyak ranjau duri yang terpaksa diharunginya untuk meneruskan hubungan persahabatan bersama Adila. Alias yang turut menyimpan perasaan terhadap Adila terus menyimpan dendam terhadap Bujei dan Adila. Satu demi satu rancangan jahat diatur dalam usaha untuk memiliki Adila. Bujei diperdaya hingga akhirnya dia mempercayai Adila akan mengahwini Alias malah Adila turut difitnah menghidap penyakit AIDS kerana pernah menuntut di luar negara. Dendam yang kian membara menyebabkan Alias meminta khidmat neneknya untuk mendapatkan ilmu pengasih yang akan mendorong Adila tunduk kepada kehendaknya. Alias yang dirasuk kerinduan akhirnya telah menjadi sasau dan sanggup merayu kepada Bujei untuk mengharapkan simpati serta pengertian daripada Bujei supaya memujuk Adila menerima dirinya. Akhirnya, Alias sendiri terpaksa mendapatkan khidmat daripada dukun yang sama dalam usaha untuk memulihkannya. Orang kampung pula kini telah melihat perubahan diri Bujei yang menjadi manusia normal berbanding Alias yang kini telah mengambil alih tempat Bujei. Sebelum pulang ke kota, Adila telah meluahkan isi hatinya kepada Sidang Saman dan isterinya tentang keputusannya untuk menerima Hafiz sebagai pasangan hidupnya. Adila akhirnya terpaksa kembali ke kota kerana ditawarkan pekerjaan sebagai seorang pensyarah di salah sebuah universiti swasta.

Tema

Konflik jiwa seorang pemuda dalam mengharungi kehidupan setelah kematian kedua ibu bapa dan neneknya. Pandangan negatif orang kampung akibat fitnah yang ditabur oleh bapa tirinya telah membentuk keperibadiannya menjadi manusia abnormal. Kehadiran Adila telah membawa sinar baru dalam hidup pemuda tersebut dan kembali menjadi manusia normal seperti sediakala.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Persoalan

1. Persoalan tanggungjawab membantu sesama manusia tanpa mengira sifat individu seperti yang digambarkan melalui watak Adila yang begitu optimis untuk membentuk semula keperibadian abnormal yang dihadapi oleh Hafiz.
2. Persoalan menghormati hak individu tanpa menghilangkan hak diri sendiri yang digambarkan melalui watak Bujei atau nama sebenarnya Hafiz yang akhirnya sedar akan haknya setelah mendapat bimbingan dari Adila.
3. Persoalan kebaikan akan mengatasi kebatilan seperti yang tergambar dalam peristiwa Alias yang cuba mengenakan ilmu pengasih terhadap Adila telah menyebabkan dia mendapat pembalasan akibat perbuatannya sendiri.
4. Persoalan sifat kasih sayang dan hati yang luhur mampu mengubah sifat seseorang seperti yang digambarkan melalui watak Adila yang telah membimbing Bujei atau Hafiz untuk membentuk semula keperibadiannya telah berjaya mengubah Bujei menjadi insan yang berjaya.
5. Ketegasan dalam pendirian seperti yang tergambar melalui watak Wak Senen yang tegas dalam pendiriannya untuk mengembalikan hak Bujei yang telah dianiaya oleh bapa tirinya.
6. Persoalan jodoh pertemuan di tangan Tuhan. Walaupun Adila pada asalnya begitu takut dengan Bujei, tetapi akhirnya telah memilih Bujei menjadi pasangan hidupnya. Walaupun telah bertunang dan berjanji sehidup semati dengan Faizal, tetapi akhirnya Faizal berkahwin dengan orang lain dan bukan dengan tunangnya Adila.
7. Persoalan berani mempertahankan hak atau harta daripada dirampas oleh orang lain. Bujei telah menunjukkan sikapnya yang tegas dan tidak boleh dipermainkan oleh Alias apabila meminta ganti rugi sebanyak RM80 sebagai gantian radionya yang telah rosak akibat perbuatan Alias.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Plot

Plot dihuraikan secara kronologi iaitu bersandarkan kepada hukum sebab dan akibat. Manusia yang berbuat baik akan memperoleh pembalasan yang baik juga dan begitulah sebaliknya.

Binaan Plot

(i) Eksposisi(permulaan)

- Menceritakan watak utama iaitu Bujei yang digambarkan sering mengunjungi latar tempat di kampung. Digambarkan juga latar masa iaitu pada waktu senja dan latar masyarakat kampung Bujei yang telah menganggap Bujei sebagai insan abnormal.

(ii) Perkembangan

- Kematian ibu Bujei yang bernama Fatimah yang dibunuh oleh bapa tirinya merupakan titik hitam dalam kehidupannya. Bujei menjadi sasau dan sering dicemuh dan dipermainkan oleh masyarakat kampung. Perkenalan dengan Adila telah mengubah hidupnya menjadi seorang yang lebih berkeyakinan untuk meneruskan kehidupan. Dalam masa yang sama dia menaruh hati kepada Adila. Adila juga diminati oleh Alias, Sahak dan Faizal, bekas tunangnya.

(iii) Klimaks

- Alias berusaha menculik Adila dan dengan bantuan neneknya, mencari ubat pengasih untuk mendapatkan Adila.

(iv) Peleraian

- Adila juga menaruh hati kepada Bujei (Hafiz). Hal ini menyebabkan Alias menjadi sasau kerana cintanya tidak kesampaian. Adila ditawarkan untuk berkhidmat sebagai pensyarah di salah sebuah universiti swasta di kota.

Teknik Plot

1. Pemerian

Contoh:

- Anak sungai itu tidak begitu lebar. Hanya lebih kurang sembilan meter jarak antara dua belah tebing, tidak dalam dan agak cetek airnya ketika itu.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

2. Dialog

Contoh:

- "Lepaskan motor aku ni... aku nak pergi ambil duit," kata Alias.

3. Imbas Kembali

Contoh:

- Dan dia sendiri telah menanam cita-cita untuk mengikut jejak bapanya. Tragedi pertama menyimpannya apabila bapanya meninggal dunia dalam satu kemalangan di lebuh raya Karak.

4. Imbas Muka

Contoh:

- Mungkinkah penyakit Adila sudah menjadi-jadi? Mungkinkah Adila sudah dibawa ke rumah sakit? Terlintas juga difikirannya untuk menjenguk dan melihat keadaan adila.

5. Monolog Dalaman

Contoh:

- Dan sempat juga Adila memikirkan hal Bujei. Mungkin Bujei juga sudah tahu sehingga terasa malu untuk datang menemuinya. Dia terfikir untuk pulang ke kota, meninggalkan kampung yang tidak lagi memberi kedamaian kepadanya.

6. Suspens

Contoh:

- Sambil memaki-hamun, kata-kata makian yang sering digunakan oleh Alias ke atas dirinya, Bujei menghayunkan parangnya di arah Alias.

Watak dan Perwatakan

Watak Utama – Bujei/ Hafiz

- Bercita-cita untuk menjadi askar seperti arwah bapanya. Sewaktu dirinya kecil, dia sering menjadikan bapanya sebagai idola.
- Suka berangan-angan menonton dan mendengar radio yang telah rosak di rumahnya.
- Takut dengan Alias. Setiap perkara yang diminta oleh Alias akan dilakukan oleh Bujei tanpa sebarang bantahan.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

- Tidak mementingkan kebersihan tetapi berubah setelah dilatih oleh Adila. Membuang perkakasan yang tidak berguna di rumahnya dan membakarnya di halaman rumah.
- Suka mendengar radio. Sanggup membeli radio baru sewaktu keluar pekan bersama Samsul.
- Mempunyai bakat menyanyi. Bujei menyanyi lagu Bahtera Merdeka sewaktu majlis perkahwinan Same'ah dan berjaya memukau orang ramai dengan kemerduan suaranya.
- Mempunyai sifat suka berjimat. Tidak menggunakan wang pemberian Wak Senen yang besar nilainya dan menyimpannya dengan rapi di dalam kendi di rumahnya.
- Pulih dari sikap abnormal menjadi normal dengan bantuan Adila. Keyakinan dirinya hadir kembali dengan bantuan Adila dan keluarga Sidang Saman.
- Anak yang bertanggungjawab. Cuba menyelamatkan ibunya daripada kebakaran rumahnya tetapi tidak berjaya kerana api marak terlalu cepat dan dia dihalang oleh orang ramai daripada memasuki rumahnya yang terbakar.
- Seorang pemuda yang mempunyai sikap abnormal. Dia membentuk peribadinya melalui pandangan penduduk kampung yang menganggapnya bodoh, dungu dan tidak berakal.
- Tidak memilih pekerjaan, asalkan mendapatkan upah untuk dia mengalas perut.

Watak sampingan

1. Adila

- Lulusan universiti luar negara iaitu di England.
- Mempunyai sifat optimis dan percaya sikap abnormal Bujei dapat dipulihkan.
- Telah bertunang dengan Faizal tetapi putus kerana Faizal tidak menepati janji dan berkahwin dengan orang lain. Akibat kecewa, dia telah membawa dirinya pulang ke kampung dan tinggal dengan keluarga Pak Longnya iaitu Sidang Saman dalam jangka masa yang panjang.
- Mempunyai pendirian yang tegas kerana menolak pinangan Alias dengan alasan belum bersedia untuk mendirikan rumahtangga.
- Lemah lembut dan hormat kepada orang lain terutamanya orang yang lebih tua. Sewaktu tinggal di kampung, Adila sering mendapat pujian penduduk kampung.
- Menjadi mangsa fitnah Alias. Alias telah memfitnah Adila telah 'rosak' sewaktu belajar di luar negara.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

- Jatuh cinta dengan Bujei/ Hafiz. Telah meluahkan isi hatinya kepada Sidang Saman dan isterinya tentang perasaannya terhadap Bujei sebelum pulang ke Kota.
2. **Alias**
- Suka membuli Bujei/ Hafiz. Contohnya meminta Bujei mencuci motosikalnya dengan menjanjikan upah tetapi memungkirinya.
 - Suka kepada Adila dan menghantar pinangan tapi ditolak. Cuba mendekati Adila setelah gagal mendapatkan Same'ah.
 - Suka terlibat dalam perlumbaan motor. Contohnya sewaktu berlumba motor dengannya, Sahak telah terlibat dalam kemalangan dan kritikal di hospital.
 - Bercakap kasar. Contohnya sering bercakap kasar terutamanya dengan Bujei.
 - Cuba menculik Adila dan mengenakan ilmu pengasih kepada Adila. Meminta bantuan dari neneknya untuk mencari ilmu pengasih.
 - Cuba memfitnah Adila setelah pinangannya ditolak.
 - Akhirnya menjadi sasau/ gila.
3. **Sidang Saman**
- Mengambil berat akan anak buahnya. Contohnya sering bertanyakan khabar Bujei dan akan meminta anaknya mencari Bujei sekiranya tidak melihat kelibatnya di kampung.
 - Bijak memerangkap orang yang bersalah melalui kata-kata. Contohnya sewaktu berbicara dengan Harun yang meminta pandangannya ketika ingin menjual tanah pusaka arwah isterinya.
 - Menjadi pangkal rujuk permasalahan Adila. Terutama sewaktu Adila mula jatuh cinta dengan Bujei.
4. **Same'ah**
- Bertimbangrasa dan baik dengan Bujei. Contohnya sering mengambil berat akan diri Bujei.
 - Anak Sidang Saman.
 - Berkahwin dan mengikut suaminya berpindah ke Ipoh.
5. **Harun**
- Seorang duda.
 - Berkahwin dengan Fatimah, ibu Bujei setelah kematian bapa Bujei.
 - Bekerja sebagai mandur di ladang kelapa sawit.
 - Panas baran dan sering memukul serta mendera isterinya.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

- Mengikis wang peninggalan bekas suami Fatimah. Melakukan keganasan terhadap isteri dan anak tirinya Bujei sehingga isterinya terbunuh dalam kebakaran akibat dari perbuatannya dan anak tirinya menjadi sasau.
- Suka berpura-pura. Contohnya berpura-pura baik dengan Bujei untuk mendapatkan tanda tangan Bujei bagi membolehkan dia menjual harta pusaka peninggalan Fatimah.

6. Wak Senen

- Suka bersedekah. Sering memberi wang kepada Bujei dengan nilai yang besar.
- Baik hati. Contohnya sanggup memulangkan semula tanah pusaka peninggalan ibu Bujei yang telah dijual oleh bapa tirinya Harun.
- Mengambil tindakan dengan teliti. Contohnya sering berbincang dengan Sidang Saman sebelum melakukan sesuatu perkara seperti yang dilakukan sewaktu ingin memulangkan semula tanah pusaka Bujei.

Gaya Bahasa

1. Simile

Contoh:

- "Jangan takut". Dia mendengar lagi, seperti memujuk pula.

2. Personifikasi

Contoh:

- Angin lembut bersih menjamah tubuhnya dan ledakan bunyi air membuai perasaannya.

3. Hiperbola

Contoh:

- "Macam seorang pembunuh yang suka membunuh orang... tak kira tempat atau masa, tak kira sesiapa aje?"

4. Sinkope

Contoh:

- Tak tentu perasaan Bujei mendengar suara Adila dan sebutan yang begitu hormat dirasakannya.

5. Metafora

Contoh:

- Tidak pernah diduga, apa lagi mengharapkan satu lorong yang akan membebaskan dirinya daripada pasung peribadi itu.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

6. Kata Ganda

Contoh:

- Dia bagaikan merindui tempat-tempat dan lorong-lorong yang biasa dikunjunginya.

Nilai

1. Nilai kasih sayang

Contoh:

- Bujei cuba menyelamatkan ibunya dalam kebakaran rumahnya. Ibunya pengan setelah didera oleh bapa tirinya ketika itu.

2. Nilai hormat menghormati

Contoh:

- Adila telah memanggil Bujei dengan nama asalnya iaitu Hafiz.

3. Nilai baik hati

Contoh:

- Adila dan Samsul telah membawa Bujei ke klinik untuk mendapatkan rawatan setelah dibelasah oleh Harun.

4. Nilai keadilan

Contoh:

- Sidang Saman meminta Alias membayar ganti rugi atas kerosakan radio Bujei.

5. Nilai keberanian

Contoh:

- Bujei berani mempertahankan dirinya daripada ditindas oleh Alias.

Pengajaran

1. Kita hendaklah menerima ketentuan atau takdir Tuhan.

Contoh

- Bujei menerima hakikat ibunya yang meninggal dunia akibat perbuatan bapa tirinya.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

2. Kita janganlah bersifat dengki sesama manusia.

Contoh:

- Alias yang telah memfitnah Adila setelah pinangannya ditolak.

3. Kita hendaklah membantu golongan yang kurang bernasib baik.

Contoh:

- Adila optimis dia boleh membantu Bujei memulihkan keperibadiannya dan perkara itu dapat direalisasikan.

4. Kita hendaklah berpegang teguh kepada janji yang telah dibuat.

Contoh:

- Faizal tidak menepati janjinya untuk bernikah dengan Adila kerana telah berkahwin dengan orang lain.

5. Kita janganlah bercakap bohong.

Contoh:

- Alias telah membohongi Bujei dengan mengatakan bahawa Adila menghadapi penyakit Aids untuk menjauhkan perhubungan mereka.

6. Kita janganlah mudah mempercayai perkara karut.

Contoh:

- Alias berpakat dengan neneknya untuk mencari ilmu pengasih bagi mendapatkan cinta Adila.

7. Kita janganlah mementingkan diri sendiri untuk mencapai cita-cita.

Contoh:

- Alias tidak mempedulikan Sahak yang terlibat dalam kemalangan sewaktu berlumba motor dengannya.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

Latar

Latar Masa

1. Waktu pagi - "Okey, **Good morning** Bujei"
2. Waktu maghrib – Kedengaran **bunyi azan maghrib** dan spontan Sidang Saman menoleh ke belakangnya.
3. Waktu petang – Makin **petang** merangkak, makin galak agas-agas menghurungnya.

Latar Tempat

1. Di tebing sungai - Kadang-kadang di berada **di tebing** itu untuk memancing.
2. Rumah Mak Usu Bakyah – Sebenarnya sudah agak lama Mak Usu Bakyah mengharapkan kedua-dua anak saudaranya bertandang tidur **di rumahnya**.
3. Di pekan - Samsul membawa Bujei **ke pekan** untuk menggunting rambut, membeli radio, jam dan pakaian.

Latar Masyarakat

1. Masyarakat kampung yang memandang rendah kepada orang yang kurang bernasib baik.

Contoh:

- Kebanyakan orang mengatakan dia bodoh, dungu, tidak berakal lalu seperti tertunai hasrat mereka begitu.

2. Masyarakat kampung yang mempunyai norma kemanusiaan.

Contoh:

- Sidang Saman begitu mengambil berat tentang Bujei dengan membawa Bujei balik ke rumahnya setelah dipukul oleh Harun

3. Masyarakat yang mengambil kesempatan atas kesenangan orang lain.

Contoh:

- Baru sahaja beberapa bulan berkahwin, Harun sudah memujuknya untuk membeli kereta.



NOTA RUJUKAN KOMSAS

4. Masyarakat yang mengamalkan kerjasama.

Contoh:

Penduduk kampung bekerjasama untuk mengadakan majlis perkahwinan Same'ah.

5. Masyarakat pendendam

Contoh:

Melihat Bujei kembali bersama Adila, kemarahannya makin menjadi. Dia makin berdendam dengan Bujei

Latihan

1. Berikan tiga latar masyarakat yang terdapat dalam novel Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan.
2. Nyatakan perwatakan Bujei dalam novel Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan.

Jawapan

1. Tiga latar masyarakat yang terdapat dalam novel Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan ialah
 - i. Masyarakat kampung yang memandang rendah kepada orang yang kurang bernasib baik.

Contoh:

- Kebanyakan orang mengatakan dia bodoh, dungu, tidak berakal lalu seperti tertunai hasrat mereka begitu.

- ii. Masyarakat kampung yang mempunyai norma kemanusiaan.

Contoh:

- Sidang Saman begitu mengambil berat tentang Bujei dengan membawa Bujei balik ke rumahnya setelah dipukul oleh Harun

- iii. Masyarakat yang mengambil kesempatan atas kesenangan orang lain.

Contoh:

- Baru sahaja beberapa bulan berkahwin, Harun sudah memujuknya untuk membeli kereta.



Tingkatan 5

NOTA RUJUKAN KOMSAS

2. Perwatakan Bujei dalam novel Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan ialah:

- Bercita-cita untuk menjadi askar seperti arwah bapanya. Sewaktu dirinya kecil, dia sering menjadikan bapanya sebagai idola.
- Suka berangan-angan menonton dan mendengar radio yang telah rosak di rumahnya.
- Takut dengan Alias. Setiap perkara yang diminta oleh Alias akan dilakukan oleh Bujei tanpa sebarang bantahan.